

Praktis PT3 Bahagian A

Soalan 1 – 5

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. "_____ harga telefon bimbit baharu itu?" tanya Amin kepada Alina.
A Apakah
B Siapakah
C Berapakah
D Di manakah
2. _____, canggihnya telefon pintar kamu ini!
A Eh
B Oh
C Cis
D Wah
3. Zakuan _____ murid yang bijak. Dia telah memenangi pertandingan reka cipta peringkat kebangsaan.
A hanya
B tetapi
C kerana
D memang

4. "_____ ke rumah saya pada minggu depan," kata Farah kepada Punita.
A Sila
B Minta
C Tolong
D Jemput
5. "_____, rekaan kamu memenangi tempat pertama dalam pertandingan itu!"
A Syabas C Aduhai
B Amboi D Eh

Soalan 6 – 8

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

6. Benar, tuanku. Sayalah yang akan
A B
menerbangkan pesawat ini," sembah
C
Kapten Aqif kepada Sultan Terengganu.
Tiada kesalahan.
D

7. "Minta jangan berbuat bising di dalam
A B C
makmal sains," kata Cikgu Asmah kepada
murid-murid. Tiada kesalahan.
D

8. Jangan mempercayai apa-apa yang
A B
disampaikan oleh pemuda itu tentang
C
penjelajahan angkasa. Tiada kesalahan.
D

Praktis PT3 Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. "Minta kamu dapat menyiapkan projek Sains ini selewat-lewatnya hari Khamis depan," kata Cikgu Teo kepada Muthu.

2. "Keadaan kesihatan ibu kamu sekarang bagaimanakah?" tanya Puan Aminah kepada Harlina.

3. "Aduh, habis tanamanku musnah!" jerit Pak Kasim sambil membetulkan pagar kebun sayurnya.

4. Wahai, jinaknya kedua-dua ekor panda yang dibawa dari China ini!

5. Siapalah yang mencipta mesin yang dapat memotong rumput dan membajak sawah ini?
